

SULIT



Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

HIT513 - Metodologi Sarjana Hadith

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab **SATU (1)** soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C. Jika calon menjawab lebih daripada **TIGA (3)** soalan hanya **TIGA (3)** soalan pertama sahaja mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Perawi hadith merupakan teras *sanad* yang sangat diberikan perhatian oleh tokoh hadith. Berdasarkan kenyataan tersebut, bincangkan:

[a] Manhaj ulama hadith dalam penghasilan karya *al-masanid* dan *al-ma'ajim* yang disusun berdasarkan nama perawi.

[40 markah]

[b] Manhaj ulama hadith dalam menentukan perawi yang mempunyai nama yang hampir sama daripada sudut *al-mu'talif wa al-mukhtalif*, *al-muttafiq wa al-muftariq* dan *al-mutasyabih wa al-mutasyabih al-maqlub*.

[60 markah]

2. *Matan* merupakan antara komponen penting bagi sesebuah hadith. Bincangkan *dawabit* yang terkandung dalam manhaj ulama hadith yang berkaitan dengan *matan* hadith daripada sudut *fiqh al-hadith* dan *syarah al-hadith*.

[100 markah]

Bahagian B

3. Huraikan perbezaan manhaj ulama hadith *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin* dalam:

[a] Penerimaan *tafarrud* dengan disertai contoh-contoh hadith yang munasabah.

[50 markah]

[b] Penerimaan *ziyadah al-thiqah* dengan disertai contoh-contoh hadith yang munasabah.

[50 markah]

...3/-

4. Bincangkan LIMA kaedah yang perlu diamalkan apabila berlaku pertembungan pendapat dalam kalangan tokoh hadith untuk menentukan status kesahihan hadith.

[100 markah]

Bahagian C

5. Perkataan *gharib* dalam *matan* hadith menjadi satu kekangan untuk memahami hadith dengan tepat. Berdasarkan kenyataan tersebut, bincangkan:

[a] Manhaj ilmuan hadith pada zaman sebelum pembukuan dan selepasnya apabila berhadapan dengan masalah ini.

[50 markah]

[b] Kaedah ilmuan hadith dahulu dan sekarang dalam menjelaskan perkataan *gharib* dalam teks hadith.

[50 markah]

6. Bincangkan *taqwiyah al-hadith* mengikut pendekatan al-Mubarakfuri dalam *Tuhfah al-Ahwadhi*.

[100 markah]